



Buletin **KERJA RAYA**

Edisi Mac-April 2012 | ISSN : 1825-4005 | www.kkr.gov.my



PROGRAM CSR KKR & CIDB



LEBUHRAYA PAN BORNEO DIJANGKA SIAP 2015

Sidang Redaksi

Penasihat

Y.Bhg. Datuk Himmat Singh
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Ketua Pengarang

En. Devaraj Subramaniam

Pengarang

En. Mohd Rizal bin Hashim
Pn. Aisah binti Ghazali
Pn. Asiah binti Badiuzaman
Pn. Azlina binti Yahya
Cik Nur Asyikin binti Azizan
En. Mohd Fauzan bin Mohd Lazi
Cik Nur Diana binti Jafluz
Pn. Nithiakala Manickam

Fotografi

En. Rosdin bin Sabni
Jurufoto, Unit Komunikasi Korporat
Unit Perpustakaan &
Sumber Jabatan Kerja Raya

Reka Bentuk/Pencetak

Marzuq Print & Trading
Tel: 03 6188 1131

Urusetia

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kerja Raya

Sidang Redaksi mengalu-alukan sebarang sumbangan artikel dan pandangan yang membina bagi mengemaskini serta mempertingkatkan lagi mutu penerbitan Buletin Kementerian Kerja Raya. Sumbangan artikel boleh dialamatkan kepada:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Kerja Raya,
Tingkat 6, Blok B, Kompleks Kerja Raya,
Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur.

Tel : 03-2771 4616 / 4619

Faks : 03-2711 1101

E-mel : pro@kk.gov.my
www.kkr.gov.my

Minda Pengarang

Tahniah!

KKR MELEPASI SASARAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA

Pada 2hb April 2012, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membentangkan Laporan Tahunan Program Transformasi Kerajaan (GTP) bagi tahun 2011. Dalam laporan tersebut, memaparkan secara khusus segala tindakan yang diambil oleh semua kementerian untuk meningkatkan taraf hidup rakyat di Negara ini.

Di Majlis Pelancaran Laporan Tahunan Program Transformasi Kerajaan (GTP) & Program Transformasi Ekonomi (ETP) 2012 yang diadakan di Auditorium Perdana, Angkasapuri, Kuala Lumpur tersebut juga, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, dan Kementerian Kesihatan diumumkan sebagai kementerian yang melepasi sasaran Petunjuk Prestasi Utama Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (NKRA) yang ditetapkan bagi tempoh 2011 dengan cemerlang.

Kerja-kerja menaik taraf yang dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya sepanjang tahun 2009 hingga 2010 menyumbang kepada penurunan mendadak kadar kemalangan di 57 lokasi kerap berlaku kemalangan di sepanjang jalan-jalan Persekutuan dan lebuhraya bertol di seluruh negara.

Projek yang dijalankan termasuk menurap semula jalan, memasang besi penghadang, melebarkan persimpangan dan bahu jalan, memasang lampu di persimpangan serta mengecat jalur derum juga telah membantu mengurangkan kemalangan maut di jalan-jalan raya.

Sidang Pengarang Buletin KKR mengucapkan Tahniah kepada semua yang membantu KKR untuk mencapai kejayaan ini. Warga KKR diharapkan terus berusaha memberikan perkhidmatan yang terbaik, menyumbang idea dan tenaga untuk kesejahteraan rakyat.

~ pengarang ~



JKR DIARAH SIASAT BANGUNAN SPRM

Melaka, 1 Mac – Bangunan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) cawangan Melaka yang bernilai RM23.4 juta di Crystal Bay, Alai tidak akan ditutup walaupun berdepan dengan masalah kulat selain wujud masalah pada struktur dan reka bentuknya.

Menteri Kerja Raya, YB. Datuk Seri Shaziman Abu Mansor, berkata premis berkenaan yang siap dibina pada Mac tahun lalu, disahkan selamat digunakan selepas pemeriksaan mendapati masalah berkenaan tidak menjejaskan keselamatan dan kesihatan kakitangan serta orang ramai.

Selain itu, beberapa tempat dikesan ditenggelami air akibat tempias serta paras air bawah tanah yang agak tinggi ketika musim hujan serta air pasang. Jabatan Kerja Raya (JKR) serta jururunding projek sudah diminta melakukan siasatan lanjut termasuk mengenal pasti punca dan menyelesaikannya secepat yang mungkin.

Hadir sama dalam lawatan tersebut, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Y.Bhg Dato' Sri Abu Kassim Mohamed serta pegawai-pegawai SPRM Melaka dan JKR Melaka.





LAWATAN KERJA SEHARI YB. MENTERI KERJA RAYA KE SIK, KEDAH



Sik, 14 April – Menteri Kerja Raya (KKR) YB. Datuk Seri Shaziman Abu Mansor telah mengadakan lawatan kerja sehari ke Sik, Kedah pada 14 April 2012. YB. Menteri telah memulakan lawatannya dengan bersarapan “Menu 1 Malaysia” bersama penduduk Kampung di Warung Tip Top Corner di Sik, Kedah.

Kemudian, beliau telah turut serta dalam aktiviti gotong-royong di kawasan Masjid Ah Madiyah di Belantik. Salah satu aktiviti penting dalam lawatan Menteri KKR adalah penyerahan kunci projek rumah rakyat termiskin melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) KKR dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Kunci rumah tersebut diserahkan kepada En. Ridzuan Hashim, yang merupakan seorang penoreh getah. Rumah ini dibina oleh pelajar Akademi Binaan Malaysia (ABM), CIDB dengan kos RM15,000.00.

Beliau juga telah melawat jambatan sempit Charok Tenang yang berusia lebih daripada 40 tahun. Jambatan itu bakal dibina semula dengan segera dengan kos RM3.5 juta untuk kegunaan penduduk Sik.

YB. Menteri seterusnya melawat Wat siam, Kampung Batu Seketul dan mengakhiri program beliau dengan perlawanan bola sepak di Sekolah Kebangsaan Gulau. Pada tengaharinya pula YB. Menteri makan bersama penduduk Sik dalam kenduri kampung.







RM423 JUTA BAGI MENAİK TARAF LEBUHRAYA PAN BORNEO

Tawau, 27 Februari – Kerajaan Pusat memperuntukkan RM 423 juta bagi menaik taraf Jalan Pan Borneo sepanjang 2,230 kilometer yang melibatkan laluan utama di Sabah dan Sarawak.

Menteri Kerja Raya, YB. Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor berkata, kerja menaik taraf jalan utama di Borneo ini akan bermula pertengahan tahun ini dan dijangka siap sepenuhnya 2015. Berkata beliau lagi kepada pemberita, kerja-kerja ini akan dilakukan berperingkat di mana tahun ini sebanyak RM100 juta diperuntukkan bagi menaik taraf jalan melibatkan RM50 juta di Sabah dan RM50 juta lagi di Sarawak.

YB. Menteri turut meninjau kerja-kerja menaiktaraf projek Jalan Sapulut – Kalabakan, Tawau, Sabah. Beliau mengulas dakwaan sesetengah pihak kononnya kualiti Jalan Persekutuan di Sabah lebih rendah berbanding di Sarawak dan Semenanjung, sebagai di antara punca banyak jalan di negeri ini mudah rosak dan kurang sempurna.

Katanya lagi, kerosakan jalan di negeri ini bukan disebabkan kualiti pembinaan tidak memuaskan tetapi disebabkan oleh kenderaan berat yang lalu lalang di jalan tersebut serta pengubahsuaian lori untuk membawa muatan berlebihan adalah faktor jalan yang dibina mudah rosak.





KONTRAKTOR WAJIB GUNA KAEDAH IBS



Ranau , 10 April – Kementerian Kerja Raya (KKR) mewajibkan syarikat kontraktor menggunakan kaedah pasang siap atau Sistem Binaan Berindustri (IBS) untuk membina sekolah pedalaman Sabah dan Sarawak, supaya pembinaan lebih cepat.

YB. Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Shaziman Abu Mansor, berkata kontraktor tidak menghadapi masalah menyiapkan kerja pembinaan dalam tempoh tiga bulan seperti ditetapkan kementerian kerana kaedah IBS mudah dilaksanakan berbanding kaedah konvensional.

Menerusi kaedah ini, sebuah bangunan mengandungi dua bilik darjah boleh siap dalam masa tiga minggu berbanding antara enam hingga lapan bulan dengan kaedah biasa.



BENGGEL KAJIAN SEMULA PELAN STRATEGIK KKR 2011 - 2012 DAN HALA TUJU 2013 - 2015 19 - 21 APRIL 2012



Bengkel Kajian Semula Pelan Strategik KKR 2011-2012

Kementerian kerja raya telah mengadakan Bengkel Kajian Semula Pelan Strategik KKR 2011~2012 dan Penetapan Hala Tuju KKR 2013~2014 bertempat di Colmar Tropicale, Bukit Tinggi dari 19 ~ 21 April 2012. Bengkel yang julung kali diadakan ini bertujuan untuk mengkaji pencapaian pelan strategik KKR sepanjang tahun 2011 hingga 2012. Pada masa yang sama, bengkel ini juga menjadi platform bagi semua pegawai kanan Kementerian dan agensi untuk berdiskusi dalam mencari penyelesaian terbaik berhubung isu-isu utama Kementerian. Objektif ke-3 bengkel ini ialah untuk menetapkan hala tuju Kementerian bagi 3 tahun akan datang iaitu dari tahun 2013~2015 agar matlamat tersebut bersesuaian serta bergerak selari dengan tatabara Outcome Based Budgetting (OBB).

Bengkel kali ini dihadiri oleh seramai 103 orang pegawai kanan Kementerian dan agensi di bawah KKR. Sebanyak 6 program kerja telah dibentuk dengan mengambil kira struktur program dibawah teras strategik Kementerian serta aktiviti OBB KKR. 6 program tersebut ialah Pembangunan Infrastruktur Jalan & Pengurusan Penswastaaan Lebuhraya, Pembangunan Industri Binaan, Pengurusan Penyelenggaraan Infrastruktur Jalan & Bangunan, Pembangunan Keupayaan & Kapasiti Sumber Manusia Industri Binaan, Penglibatan Penggiat Industri Binaan di Peringkat Global serta Pengurusan Kementerian Kerja Raya.







ITS ATASI KESESAKAN

Kuala Lumpur, 16 April – Kerajaan telah mewujudkan Pelan Induk ITS beberapa tahun yang lalu sebagai panduan komprehensif kepada pelaksanaan aplikasi ITS di negara ini. Penggunaan aplikasi ITS, merangkumi kawalan lalu lintas, sistem pemantauan dan sistem kutipan tol elektronik di lebuhraya.

Menurut YB. Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Shaziman Abu Mansor, aplikasi ITS mampu mempromosikan konsep



pembangunan mapan dalam sektor pengangkutan selain membantu kerajaan menggunakan sumber kewangannya secara optimum. YB. Menteri juga berharap dengan aplikasi tersebut, ITS Malaysia akan menjadi jambatan yang menghubungkan sektor kerajaan dan sektor swasta dalam usaha membangunkan aplikasi ITS di negara ini. Teks ucapan YB. Menteri telah dibacakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, Datuk Himmat Singh.

Majlis Perasmian 12th Asia Pacific ITS Forum & Exhibition 2012 telah diadakan di Pusat Konvensyen Sunway Pyramid, Subang Jaya. Program ini diadakan untuk tiga hari bermula pada 16 April 2012 sehingga 18 April 2012. Seramai 700 peserta dari 20 negara telah menyertai program tersebut.



FORUM ITS BERJAYA

Subang Jaya, 18 April – Forum dan Pameran Asia Pasifik Intelligent Transport System (ITS) ke-12 yang diadakan di Malaysia telah membuka lembaran baru dalam bidang industri ITS. Timbalan Menteri Kementerian Kerja Raya (KKR) Y.B. Dato' Yong Khoo Seng berkata demikian dalam Majlis Perasmian Penutup Forum dan Pameran ITS. Program yang diadakan selama dua hari tersebut telah disertai oleh pakar ITS dari dalam dan luar negara.

Peserta dari 20 negara telah diterapkan dengan maklumat mengenai teknologi terkini. Forum & Pameran ITS tersebut diliputi dengan 13 Sesi Teknikal (66 kertas kerja), 3 Sesi 'Plenary', 2 Sesi Eksekutif dan 1 Sesi Panel. Isu dan cabaran yang berkait rapat dengan Jalan ITS dalam sektor pengangkutan telah dibincangkan.

Dalam Forum & Pameran ITS tersebut, sebanyak 50 'booth' disediakan menawarkan peluang untuk syarikat dari dalam dan luar negara supaya dapat mempamerkan pelbagai perkhidmatan dan produk yang berkait dengan industri ITS.

Antara yang hadir dalam Majlis Perasmian Penutupan Forum & Pameran ITS adalah Y.Bhg. Datuk Himmat Singh, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, Y.Bhg. Dato' Ir. Mohd Noor Yaacob, Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR), Y. Bhg Dato' Ir Mohamad Husin, Timbalan Pengarah JKR dan Presiden ITS, Y. Bhg. Dato' Ir. Ismail Salleh, Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), dan En. Hajime Amino.



SESI 'TOWN HALL' KSN BERSAMA WARGA KKR

Kuala Lumpur , 3 April – Sesi “Town Hall” Y.Bhg Tan Sri Sidek Hasan, Ketua Setiausaha Negara (KSN) bersama warga KKR telah berlangsung pada 3 April 2012, jam 2.30 petang bertempat di Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid. Sesi “hati dan hati” bersama KSN selama satu jam memfokuskan kepada topik keberkesanan dalam sistem penyampaian kerajaan. Y.Bhg. Tan Sri KSN mengajak semua penjawat awam terutama warga KKR supaya lebih menitik beratkan impak terhadap perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat. Beliau menegaskan bahawa, output mahupun kuantiti bukan lagi menjadi penanda aras kepada tahap kecemerlangan dalam organisasi sebaliknya penjawat awam perlu berusaha menjadikan setiap tugas yang dilaksanakan akan memberikan impak yang besar kepada rakyat dan negara.

Dianggarkan lebih 500 warga KKR memenuhi ruang Dewan Tan Sri Mahfoz untuk bersama-sama mendengar amanat dan nasihat daripada Y.Bhg. Tan Sri KSN. Majlis ini berakhir pada jam 3.30 petang dan keberangkatan pulang Y.Bhg. Tan Sri KSN diiringi oleh Y.Bhg. Datuk Himmat Singh, Ketua Setiausaha KKR dan pegawai-pegawai kanan kementerian dan agensi.





PROGRAM PEMENTORAN KKR

Kuala Lumpur, 16 Mac – Program Pementoran Peringkat Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Agensi telah diadakan pada 19 dan 20 Mac 2012 untuk memberi latihan dan panduan serta pengalaman kepada pegawai dan kakitangan yang baru berkhidmat di KKR.

Majlis Perasmian Pementoran telah dirasmikan oleh Y. Bhg. Datuk Himmat Singh, Ketua Setiausaha KKR di Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid.

Program dua hari tersebut turut melibatkan kakitangan daripada Kementerian Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).

Mentor serta Menti akan diberi pendedahan melalui kursus dua hari ini, yang turut bertujuan untuk membangunkan potensi dan kecemerlangan kerja individu serta pemindahan pengetahuan secara langsung dan tidak langsung.

Pada majlis perasmian ini, Y. Bhg. Datuk KSU telah menyampaikan sijil kepada semua mentor mentee yang dipilih.



LEBUHRAYA PAN BORNEO DIJANGKA SIAP 2015

Miri, 9 April – Lebuhraya Pan Borneo dari Sabah ke Sarawak akan dinaik taraf dengan peruntukkan RM 423 juta. Menteri Kerja Raya Y.B. Datuk Seri Shaziman Abu Mansor berkata Kerajaan Persekutuan akan mengeluarkan peruntukkan sebanyak RM 100 juta untuk peringkat permulaan.

Jalan dari Sibu ke Bintulu sepanjang 217 KM dan jalan dari Bintulu ke Miri sepanjang 207 KM akan menjadi keutamaan kerana banyak kenderaan termasuk kenderaan berat menuju ke Bintulu dan lain-lain pelabuhan setiap hari.

Kata Y.B. Menteri, Kementerian Kerja Raya akan membina seberapa banyak lorong memotong di kawasan bahaya termasuk di kawasan curam dan gunung. Tambah Menteri, cadangan ini akan dilaksanakan dengan segera tanpa menunggu hasil kajian Unit Perancang Ekonomi dan laluan itu akan ditar semula.

Menurut Y.B. Menteri, Kerajaan Persekutuan akan terus menaik taraf jalan di negeri tersebut jika wujud keperluan untuk berbuat demikian. Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Komunikasi Sarawak Datuk Seri Michael Manyin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat yang memberi tumpuan khusus kepada usaha menaik taraf laluan Sibu-Bintulu-Miri. Lebuhraya ini dijangka siap 2015.



MAJLIS MENANDATANGANI PROJEK MEMBINA JAMBATAN MENYEBERANGI SUNGAI PANDARUAN



Kuala Lumpur, 16 April – Perwakilan-perwakilan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Malaysia telah mengadakan Mesyuarat Kali Ke-Lima (5) *Joint Project Team* (JPT), Sesi Menandatangani Surat Setuju Terima (SST) dan *Terms of Reference* (TOR) for the Construction bagi Projek Membina Jambatan Menyeberangi Sungai Pandaruan bertempat di Kementerian Kerja Raya (KKR) Malaysia Kuala Lumpur.

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Alaihuddin bin POKDG Haji Mohd Taha, Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam selaku Pengerusi Bersama *Joint Project Team* (JPT) telah mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam disertai oleh enam (6) orang ahli-ahli JPT daripada Kementerian Perhubungan, Kementerian Pembangunan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Pejabat Peguam Negara telah hadir bagi pihak Brunei Darussalam.

Manakala itu, delegasi Malaysia telah di ketuai oleh Yang Berbahagia Datuk Himmatt Singh, Ketua Setiausaha, Kementerian Kerja Raya Malaysia selaku Pengerusi Bersama *Joint Project Team* (JPT) dan Pegawai-pegawai Kanan daripada Kementerian Kerja Raya (KKR) Malaysia.

Kedua-dua buah Negara terlebih dahulu telah mengadakan Mesyuarat Kali Ke-Lima (5) *Joint Project Team* (JPT) bagi mengesahkan kontrak perjanjian dan *Terms of Reference* (TOR) for the Construction. Kontrak perjanjian telah ditandatangani oleh Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia bagi pihak kerajaan Malaysia dengan disaksikan oleh kedua Pengerusi Bersama *Joint Project Team* (JPT) kedua buah Negara.

Projek pembinaan jambatan ini dijangka dapat disiapkan dalam tempoh 15 bulan. Kos pembinaan jambatan akan dibahagi sama rata diantara kedua – dua buah negara.



Keratan Akhbar

Road project has two phases

JKR team responsible for federal road maintenance

The team is responsible for the maintenance of federal roads in Malaysia. The project is divided into two phases. The first phase involves the maintenance of existing roads, while the second phase involves the construction of new roads. The team is working to improve the quality of the roads and to ensure that they are safe for use.

Industri binaan rail projek RM86b luar negara

Industri binaan rail projek RM86b luar negara

The project is a major infrastructure project that will involve the construction of a new rail line. The project is valued at RM86 billion and is expected to be completed by 2015. The project will create many jobs and will help to improve the transport system in Malaysia.

Minta JKR turap jalan segera

Minta JKR turap jalan segera

The article discusses the need for the JKR to pave roads more quickly. It mentions that the current pace of paving is slow and that this is causing problems for drivers. The article suggests that the JKR should increase the number of paving machines and that they should work longer hours to speed up the process.

Guna IBS bina bangunan kerajaan

Guna IBS bina bangunan kerajaan

The article discusses the use of IBS (Interlocking Brick System) in the construction of government buildings. It mentions that IBS is a more efficient and cost-effective way of building and that it is being used by the JKR for a number of projects. The article also mentions that IBS is a more sustainable building method.

Karnival Kerjaya Industri Pembinaan

Karnival Kerjaya Industri Pembinaan

The article discusses the 'Karnival Kerjaya Industri Pembinaan' (Construction Industry Career Carnival). It mentions that the carnival is a great opportunity for young people to learn more about the construction industry and to meet with professionals in the field. The carnival will feature a number of activities, including seminars, workshops, and job interviews.

Utamakan kontraktor tempatan

Utamakan kontraktor tempatan

The article discusses the importance of prioritizing local contractors in government projects. It mentions that local contractors are more familiar with the local environment and that they are more likely to provide quality work. The article suggests that the JKR should give preference to local contractors when awarding contracts.

No highway roadworks during CNY

No highway roadworks during CNY

The article discusses the decision to stop highway roadworks during the Chinese New Year (CNY) period. It mentions that roadworks are a major cause of traffic delays and that it is important to ensure that the roads are clear during the holiday period. The article suggests that the JKR should plan roadworks in advance and that they should be completed before the CNY period begins.

Caj tol sempena Tahun Baru Cina

Caj tol sempena Tahun Baru Cina

The article discusses the toll charges for the Chinese New Year period. It mentions that toll charges will be waived for a number of days during the holiday period. This is a popular measure that allows drivers to travel more easily during the holiday period.

25 syarikat beri diskaun

25 syarikat beri diskaun

The article discusses the 25 companies that have been granted discounts. It mentions that these companies are providing discounts to the JKR for their services. This is a significant contribution to the construction industry and it is a sign of the JKR's commitment to supporting local businesses.

Projek IKN siap tiga bulan lebih awal

Projek IKN siap tiga bulan lebih awal

The article discusses the completion of the IKN project. It mentions that the project has been completed three months ahead of schedule. This is a major achievement for the JKR and it is a sign of the project's success.

Hari Bertemu Pelanggan

Hari Bertemu Pelanggan

The article discusses the 'Hari Bertemu Pelanggan' (Customer Meeting Day). It mentions that the JKR is holding meetings with customers to discuss their needs and to provide them with information about the services that the JKR can provide. This is a great way for the JKR to stay in touch with its customers and to ensure that they are providing the best possible service.

'Kami nak guna'

'Kami nak guna'

The article discusses the quote 'Kami nak guna' (We want to use). It mentions that this is a common phrase used by customers when they are interested in using a service. This is a sign of the JKR's popularity and it is a sign of the demand for their services.

PWD staff now enjoy top-class quarters

PWD staff now enjoy top-class quarters

The article discusses the new quarters for PWD staff. It mentions that the quarters are modern and comfortable and that they are a great improvement on the old quarters. This is a sign of the JKR's commitment to its staff and it is a sign of the progress that the JKR is making.

From rat-infested quarters to brand new home

From rat-infested quarters to brand new home

The article discusses the transformation of a rat-infested area into a brand new home. It mentions that the area has been completely renovated and that it is now a safe and comfortable place to live. This is a sign of the JKR's commitment to improving the living conditions of its staff and it is a sign of the progress that the JKR is making.

ICW 2012 catat potensi urus niaga RM23.95j

ICW 2012 catat potensi urus niaga RM23.95j

The article discusses the ICW 2012 (International Construction Week) and the potential for the construction industry. It mentions that the industry has a potential value of RM23.95 billion. This is a significant figure and it is a sign of the growth of the construction industry in Malaysia.



JKR tubuh pasukan kha

JKR tubuh pasukan kha

The article discusses the formation of a new team by the JKR. It mentions that the team is made up of experienced professionals and that they will be responsible for a number of projects. This is a sign of the JKR's commitment to excellence and it is a sign of the progress that the JKR is making.

PM tunai janji naik taraf kuarters JKR

PM tunai janji naik taraf kuarters JKR

The article discusses the Prime Minister's promise to improve the quarters of JKR staff. It mentions that the PM has promised to provide better housing for JKR staff and that this is a sign of the government's commitment to its staff. This is a great achievement and it is a sign of the progress that the government is making.

